PANDUAN PENULISAN ILMIAH AKADEMI PENGAJIAN ISLAM UNIVERSITI MALAYA

(Edisi Ketiga)



Diterbitkan oleh:
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM UNIVERSITI MALAYA
50603 KUALA LUMPUR, MALAYSIA

Panduan Penulisan Ilmiah Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya

Edisi Ketiga 2012

ISBN 978-967-5534-23-2

Buku ini disusun atur dengan menggunakan font Arno Pro oleh Tech Production (001983336-D).

Diterbitkan oleh:
Pejabat Ijazah Tinggi
Akademi Pengajian Islam
Universiti Malaya
50603 Kuala Lumpur
Malaysia

Dicetak oleh:
Tech Production (001983336-D)

KATA ALUAN
PEMANGKU PENGARAH APIUM

Saya mengambil kesempatan ini merakamkan jutaan terima kasih kepada Bahagian Ijazah Tinggi Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya dan pasukan yang bersidang beberapa kali bagi menerbitkan *Panduan Penulisan Ilmiah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya* (edisi ketiga). Ia merupakan satu usaha murni bagi menggarap keseragaman dalam penulisan tesis dan memudahkan calon menggunapakai satu kaedah yang teratur.

Sebelum ini, terdapat dua edisi buku panduan penulisan yang telah diterbitkan oleh Akademi, masing-masing pada tahun 2001 dan 2006. Dengan perkembangan terkini sebagai satu unit yang penting bagi universiti penyelidikan, maka versi ketiga diterbitkan. Edisi ini adalah lebih jelas dan mudah bagi setiap calon dan penyelia mereka membuat rujukan.

Buku panduan ini juga amat bermanfaat buat pemeriksa yang dilantik memeriksa tesis calon-calon dari akademi. Ramai pemeriksa menjadikan kayu ukur universiti mereka dalam memeriksa tesis calon-calon Akademi. Justeru, bagi mengelak kejadian calon menjadi mangsa kepada keadaan dan membantu menegakkan keadilan apabila berlaku pertikaian, maka buku ini merupakan jalan keluar kepada masalah tersebut.

Saya percaya ia bukan satu pengurusan profesional jika setiap kali calon mahu menyerahkan tesis bagi tujuan pemeriksaan, staf Ijazah Tinggi yang terpaksa membuat semakan dari segi teknikal sebelum mereka melakukan penjilidan. Calon sepatutnya telah mengetahui lebih awal selok-belok urusan tesisnya.

Agak ganjil jika dikatakan pelajar Ijazah Tinggi tidak tahu apa yang patut ada dalam tesis mereka. Tetapi keganjilan itu kelihatan banyak kali berlaku di sini. Mustahil bagi seorang pengkaji tidak memasukkan ulasan penyelidikan lepas dalam tesis mereka sebagaimana sukar dipercayai ada penyelidik yang tidak dapat membezakan antara persoalan kajian dengan masalah kajian.

Oleh itu, saya berharap buku ini boleh menjadi panduan segera kepada calon ijazah tinggi di Akademi Pengajian Islam. Buku ini juga boleh menjadi sebahagian daripada kandungan subjek metodologi penyelidikan untuk mereka.

Saya mendoakan agar misi ke arah membudayakan penghasilan tesis yang berkualiti dari sudut teknikal dan fizikal akan tercapai.

Terima kasih.

PROFESOR DATO' DR MOHD. YAKUB @ ZULKIFLI HJ. MOHD. YUSOFF
Pemangku Pengarah
Akademi Pengajian Islam
Universiti Malaya

KATA ALUAN
TIMBALAN PENGARAH IJAZAH TINGGI
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM, UNIVERSITI MALAYA

Alhamdulillah, kami bersyukur kepada Allah SWT yang telah mempermudahkan segala urusan penerbitan *Panduan Penulisan Ilmiah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya* (edisi ketiga) ini. Buku ini diharap dapat menjadi panduan kepada para penyelidik Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya (APIUM).

Panduan penulisan ilmiah ini disediakan untuk semua penyelidik khususnya penyelidik tahap ijazah tinggi APIUM. Panduan ini boleh juga digunakan oleh semua pensyarah dan mahasiswa. Inisiatif ini akan menjadi sebahagian daripada elemen pemantauan kendiri oleh penyelidik.

Kepada Ahli Jawatankuasa *Panduan Penulisan Ilmiah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya* (edisi ketiga), diucapkan ribuan terima kasih.

Sekian, wassalam.

PROFESOR MADYA DR MUSTAFFA ABDULLAH
Timbalan Pengarah Ijazah Tinggi
Akademi Pengajian Islam
Universiti Malaya

ISI KANDUNGAN

1.0

PANDUAN ASAS PENYELIDIK

Panduan ini perlu diberi perhatian serius oleh penyelidik dalam melaksanakan penyelidikan dengan jayanya di samping memudahkan tugas-tugas penyeliaan.

1.1. Penentuan Bidang Penyelidikan

Peringkat ini merupakan peringkat awal dalam sesuatu penyelidikan. Setiap penyelidik sepatutnya telah mengenalpasti bidang penyelidikan yang wajar dilakukan. Faktor-faktor berikut perlu dipertimbangkan dalam memilih bidang atau tajuk penyelidikan.

1.1.1. Pengetahuan, kebolehan dan pengalaman sedia ada pada penyelidik dalam bidang yang hendak dikaji. Ini bagi memastikan mereka boleh menguasai bidang penyelidikan, termasuk penguasaan bahasa utama rujukan bidang berkenaan.

1.1.2. Minat terhadap bidang yang dikaji. Ini bagi merangsang penyelidik untuk terus menyelidik dan mencari maklumat penyelidikan di samping memperluas dan memperkayakan lagi disiplin dalam bidang yang diminatinya.

1.1.3. Kewujudan kajian-kajian terdahulu dalam bidang yang dipilih.

1.1.4. Kemungkinan memperolehi maklumat atau data dalam bidang yang dipilih.

1.1.5. Halangan yang berkemungkinan akan mengganggu penyelidikan.

1.1.6. Jangka masa yang perlu diambil bagi mengumpul data dan menyiapkan penyelidikan.

1.1.7. Kemungkinan bidang yang dipilih menyumbang kepada perkembangan ilmu semasa atau perkaitannya dengan pembangunan kerjaya atau profesion penyelidik.

1.1.8. Kemampuan menyiapkan penyelidikan sesuai dengan peruntukan kewangan dan keupayaan penyelidik.

1.2. Format Kertas Cadangan Penyelidikan

Kertas cadangan penyelidikan yang dimaksudkan di sini bertujuan untuk dijadikan asas pertimbangan bagi pihak berkenaan dalam menerima cadangan penyelidikan. Penyelidik hendaklah mengemukakan kertas cadangan penyelidikan dalam bentuk yang kemas. Kertas cadangan penyelidikan hendaklah menjelaskan elemen-elemen berikut:

1.2.1. Bidang Kajian

Menjelaskan bidang khusus bagi kajian yang akan dilaksanakan seperti Akidah, Pemikiran Islam, al-Qur'an, al-Hadith, Sejarah Islam, Tamadun Islam, Dakwah, Pembangunan Insan, Fiqh, Usul Fiqh, Undang-undang Syariah, Undang-undang Perbandingan, Ekonomi Islam, Ekonomi Perbandingan, Pengurusan Islam, Kewangan Islam, Siasah Syar'iyyah, Governan Islam, Pendidikan Islam, Pengajian Islam, Pengajian Islam dengan Sains, Astronomi Islam dan sebagainya.

1.2.2. Tajuk

Pernyataan tajuk hendaklah mampu menjelaskan persoalan pokok dan fokus kajian. Pemilihan perkataan dan susunan ungkapan dalam tajuk hendaklah ringkas dan padat sesuai dengan judul sebuah penyelidikan ilmiah.

1.2.3. Latar Belakang Masalah

Membincangkan latar belakang dan situasi timbulnya masalah yang akan dikaji. Keberkesanan persembahan latar belakang masalah ini boleh dinilai pada kemampuannya

memperlihatkan hakikat sebenar masalah dan betapa ia penting untuk diteliti dan didalami.

1.2.4. Pernyataan Masalah Penyelidikan

Pada bahagian ini penyelidik hendaklah menyenaraikan masalah sebenar yang akan dikaji berdasarkan latar belakang masalah yang telah dinyatakan. Ia boleh dinyatakan dalam bentuk pernyataan masalah atau dalam bentuk senarai soalan.

1.2.5. Objektif

Penyelidik hendaklah menyatakan tujuan kajian dijalankan dan objektif yang diharap akan dapat dicapai pada akhir kajian. Pernyataan ini hendaklah jelas, rasional, serta relevan dengan masalah yang dikaji. Objektif hendaklah suatu yang mampu dicapai dan pencapaiannya itu sewajarnya boleh dibuktikan.

1.2.6. Hipotesis Penyelidikan (jika berkenaan)

Hipotesis ialah andaian awalan tentang hubungan antara unsur-unsur yang dikaji, atau tentang cara penyelesaian bagi sesuatu masalah.

1.2.7. Kepentingan Penyelidikan

Penyelidik hendaklah menjelaskan kepentingan dan sumbangan penyelidikan yang dilaksanakan terhadap bidang yang dikaji, antaranya; (i) apakah ia memantapkan penjelasan tentang sesuatu hukum; (ii) memperkemaskan sesuatu kaedah; (iii) membetulkan sesuatu fahaman? Kepentingan dan sumbangan langsung dan praktikal daripada penyelidikan dalam menyelesaikan masalah masyarakat dan negara boleh juga dinyatakan. Kepentingan penyelidikan juga termasuk penghasilan sesuatu edisi kritikal teks-teks penting dalam bidang serta terjemahannya.

1.2.8. Definisi Tajuk

Bahagian ini menjelaskan konsep dan terminologi utama yang terdapat dalam tajuk yang dicadangkan.

1.2.9. Skop dan Batasan Penyelidikan

Skop bermaksud ruang lingkup penyelidikan yang ingin dicapai, manakala batasan bermaksud sekatan di luar kemampuan penyelidik yang menghalang pencapaian ruang lingkup tersebut. Aspek yang terlibat merangkumi masa, tempat, sasaran penyelidikan dan sebagainya. Penjelasan ini penting bagi memastikan penilai dapat memahami sempadan penyelidikan berkenaan.

1.2.10. Kerangka atau Landasan Penyelidikan

Kerangka ini boleh diasaskan atas mana-mana konsep yang ada dalam Islam, atau teori semasa yang ada, atau dibentuk sendiri berasaskan kajian-kajian terdahulu. Kerangka penyelidikan ini akan menjadi garis panduan kepada penyelidikan yang akan dilaksanakan.

1.2.11. Ulasan Penyelidikan Lepas

Ulasan ini hendaklah mengaitkan hasil penyelidikan lepas yang memberi jawapan kepada masalah yang akan dikaji terutama untuk menjelaskan kedudukan serta keaslian penyelidikan semasa dan kaitannya dengan khazanah ilmu sedia ada. Penyelidikan lepas ini perlu merangkumi penyelidikan yang telah dijalankan di dalam dan di luar negara dalam pelbagai bahasa. Ia perlu merangkumi laporan penyelidikan ilmiah, tesis, disertasi, makalah jurnal, buku akademik dan sebagainya. Ulasan perlu menumpukan kepada aspek persamaan dan perbezaan, kekuatan dan kelemahan serta kelompangan ilmiah antara penyelidikan lepas dan semasa.

1.2.12. Kaedah Pengumpulan Data

Penyelidik yang menggunakan penyelidikan perpustakaan sepenuhnya sumber data atau maklumat hendaklah dijelaskan. Bagi penyelidikan yang melibatkan pengumpulan data lapangan, penyelidik hendaklah memberi penjelasan yang teliti dan meyakinkan tentang kaedah yang digunakan.

1.2.13. Kaedah Analisis Data

Penyelidik perlu menjelaskan perancangannya tentang cara mengolah data yang akan dikumpulkan untuk menjawab masalah dan mencapai objektif penyelidikan.

1.2.14. Bibliografi

Penyelidik perlu menyenaraikan senarai rujukan yang telah dirujuk untuk menyediakan kertas cadangan penyelidikan. Senarai ini hendaklah mampu meyakinkan penilai bahawa rujukan yang sewajarnya telah dibuat.

1.3. Penetapan Rancangan Penyelidikan dan Jadual Kerja

Satu jadual kerja hendaklah dirangka supaya penyelidikan berjalan lancar. Jadual kerja hendaklah mengandungi tarikh, jangka masa, gerak kerja yang akan dijalankan:

Jangka masa	Gerak kerja
Januari	Cadangan penyelidikan
Februari – Mac	Pengumpulan data
...	...
Disember	Semakan draf ketiga

1.4. Pelaksanaan Penyelidikan

1.4.1. Penyelidikan sebenar tidak dilakukan sehingga cadangan penyelidikan telah diluluskan dalam seminar pembentangan kertas cadangan penyelidikan di peringkat Jabatan. Ini bagi memastikan penyelidikan berkenaan berasaskan kepada bentuk yang dipersetujui.

1.4.2. Sebarang perubahan metode atau prosedur dalam kajian berkenaan hanya dibuat sesudah mendapat persetujuan penyelia.

1.4.3. Semua perkembangan penyelidikan dan penulisan penyelidikan ilmiah hendaklah dengan pengetahuan penyelia.

1.4.4. Penyelidik dinasihatkan supaya menyimpan semua data mengenai bahan penyelidikan yang diperolehi sebagai bukti penyelidikan.

1.4.5. Sepanjang projek penyelidikan berjalan, penyelidik hendaklah sentiasa berhubung rapat dengan penyelia. Penyelidik juga hendaklah mendapatkan panduan penyelia sepanjang tempoh penyelidikan.

1.5. Kaedah Pencarian Data

Kaedah pengumpulan data penyelidikan bergantung kepada kesesuaian penyelidikan yang dilakukan. Bagi penyelidikan berbentuk perpustakaan, ia perlu merujuk kepada sumber-sumber primer dan sekunder. Bagi penyelidikan lapangan hendaklah berdasarkan metodologi penyelidikan yang sesuai dengan jenis data.

1.6. Gaya Penulisan

Gaya penulisan mestilah mengikut *Panduan Penulisan Ilmiah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya* (edisi ketiga). Ejaan, transliterasi, susunan ayat, penggunaan istilah dan sebagainya hendaklah tepat dan ilmiah.

1.7. Pertemuan dengan Penyelia

Pertemuan dengan penyelia hendaklah dibuat dari masa ke semasa. Penentuan jadual pertemuan secara berkala perlu dirangka berdasarkan persetujuan bersama. Penyelidik dikehendaki menyimpan rekod pertemuan.

1.8. Pengesahan Tajuk

Penyelidik Doktor Falsafah dan Sarjana yang telah menyempurnakan penulisan tesis atau disertasi hendaklah memohon pengesahan tajuk sekurang-kurangnya tiga bulan sebelum penyerahan. Permohonan dibuat melalui penyelia masing-masing dengan menggunakan borang yang disediakan.

1.9. Penyerahan Tesis

Sebelum dijilid, draf terakhir keseluruhan tesis atau disertasi hendaklah disahkan oleh penyelia. Penyerahan hendaklah menggunakan borang yang disediakan oleh Pejabat Ijazah Tinggi, Akademi Pengajian Islam atau laman sesawang Institut Pengajian Siswazah, Universiti Malaya, http://www.ips.um.edu.my/students.htm.

1.10. Etika Penyelidikan

1.10.1. Mengelak Plagiat

Plagiat ialah perbuatan mengambil idea, tulisan, data atau rekaan orang lain dan mendakwa bahawa idea, tulisan, data atau rekaan tersebut adalah hasil ciptaan atau dapatannya sendiri; atau cuba menonjolkan idea, tulisan, data dan rekaan yang diambil dari sumber lain itu dengan cara yang boleh memberi gambaran bahawa dialah sumber atau pencipta asalnya. Plagiat berlaku apabila idea, tulisan, data atau rekaan orang lain diciplak tanpa menyatakan rujukan kepada karya atau penghargaan kepada penulis asal.

Penulisan ilmiah yang diserahkan untuk penilaian dan pemeriksaan mestilah merupakan karya asli penyelidik. Sebarang bentuk plagiat adalah dilarang sama sekali.

1.10.2. Tanggungjawab terhadap Data, Sumber, Penyelia

Penyelidik bertanggungjawab memelihara etikanya dalam mengurus dan menghormati kerahsiaan data dan sumber. Penyelidik juga hendaklah menjaga amanah akademik terutama dalam mentafsir data secara adil. Selain itu, akhlak dengan penyelia mesti sentiasa dipelihara.

1.11. Tempoh Pengajian

Tempoh minimum pengajian sarjana ialah dua semester untuk program Sarjana Secara Disertasi dan tiga semester untuk program Sarjana Secara Kursus dan Disertasi. Tempoh maksimum bagi kedua-dua program ini ialah lapan semester. Bagi penyelidikan tahap doktor falsafah tempoh minimum ialah empat semester dan maksimum ialah 12 semester.

1.12. Syarat-syarat dan Keperluan Penyelidik

1.12.1. Syarat-syarat dan Keperluan Calon Ijazah Tinggi Mod Penyelidikan

A. Sebelum Semester I Sesi 2007/2008.

1. Doktor falsafah.

   i. Dua (2) kali pembentangan (Tindakan: Jabatan).

   ii. Menghadiri dua (2) seminar (Tindakan: Jabatan).

   iii. Satu pembentangan seminar (Seminar Khas Ijazah Tinggi) iaitu selepas penyerahan tesis dan sebelum Mesyuarat Jawatankuasa Pemeriksa

Viva Voce diadakan (Senat 2000) (Tindakan: Bahagian Ijazah Tinggi).

iv. Membentangkan kemajuan penyelidikan dalam sesi *Candidature Defence* sebelum penyerahan tesis untuk pemeriksaan dan berkuatkuasa mulai semester II sesi 2010/2011 (Tindakan: Jabatan).

2. Sarjana.

i. Dua (2) kali pembentangan.

ii. Menghadiri satu (1) seminar.

iii. Membentangkan kemajuan penyelidikan dalam sesi *Candidature Defence* sebelum penyerahan tesis untuk pemeriksaan dan berkuatkuasa mulai semester II sesi 2010/2011.

B. Semester I Sesi 2007/2008, Semester II Sesi 2007/2008 dan Semester I Sesi 2008/2009.

1. Doktor falsafah.

i. Kursus Metodologi Penyelidikan tidak lewat dari semester kedua pencalonan (Senat 24.5.2007).

ii. Satu pembentangan seminar dijalankan dalam tempoh empat semester pertama pencalonan (Senat 24.5.2007).

iii. *Candidature Defence* dijalankan pada semester kelima pencalonan (Senat 24.5.2007).

iv. Satu pembentangan seminar sebelum penyerahan tesis (Senat 24.5.2007).

v. Menerbitkan sekurang-kurangnya satu penerbitan (yang dirujuk) hasil daripada penyelidikan mereka sebelum jawatankuasa Pemeriksa dan *Viva Voce* diadakan. Untuk tujuan

ini, penerbitan (yang dirujuk) dalam prosiding antarabangsa atau profesional boleh diambilkira (Senat 24.5.2007).

2. Sarjana.

    i. Kursus Metodologi Penyelidikan tidak lewat dari semester kedua pencalonan (Senat 24.5.2007).

    ii. Satu pembentangan seminar dijalankan dalam tempoh dua semester pertama pencalonan (Senat 24.5.2007).

    iii. *Candidature Defence* dijalankan pada semester ketiga pencalonan (Senat 24.5.2007).

    iv. Pembentangan sekurang-kurangnya satu (1) kertas kerja di persidangan peringkat kebangsaan atau antarabangsa (Senat 24.5.2007).

C. Semester II Sesi 2008/2009.

1. Doktor falsafah.

    i. Kursus Metodologi Penyelidikan tidak lewat dari semester kedua pencalonan (Senat 24.5.2007).

    ii. Satu pembentangan Seminar dijalankan dalam tempoh empat semester pertama pencalonan (Senat 24.5.2007).

    iii. *Candidature Defence* dijalankan pada semester kelima pencalonan (Senat 24.5.2007).

    iv. Satu pembentangan Seminar sebelum penyerahan tesis (Senat 24.5.2007).

    v. Menunjukkan bukti penyerahan sekurang-kurangnya dua (2) artikel dalam Jurnal ISI (Senat 18.12.2008).

2. Sarjana.

    i. Kursus Metodologi Penyelidikan tidak lewat dari semester kedua pencalonan (Senat 24.5.2007).

    ii. Satu Pembentangan Seminar dijalankan dalam tempoh dua semester pertama pencalonan (Senat 24.5.2007).

    iii. *Candidature Defence* dijalankan pada semester ketiga pencalonan (Senat 24.5.2007).

    iv. Pembentangan sekurang-kurangnya satu Kertas Kerja di peringkat kebangsaan atau antarabangsa (Senat 24.5.2007).

    v. Menunjukkan bukti penyerahan sekurang-kurangnya satu (1) artikel dalam Jurnal ISI (Senat 18.12.2008).

D. Semester I Sesi 2009/2010, Semester II Sesi 2009/2010, Semester I Sesi 2010/2011, Semester II Sesi 2010/2011, Semester I Sesi 2011/2012, Semester II Sesi 2011/2012 dan ke atas.

1. Doktor falsafah.

    i. Kursus Metodologi Penyelidikan tidak lewat dari semester kedua pencalonan (Senat 24.5.2007).

    ii. Satu pembentangan Seminar dijalankan dalam tempoh empat semester pertama pencalonan (Senat 24.5.2007).

    iii. *Candidature Defence* dijalankan pada semester kelima pencalonan (Senat 24.5.2007).

    iv. Satu pembentangan Seminar sebelum penyerahan tesis (Senat 24.5.2007).

    v. Menunjukkan bukti penyerahan sekurang-kurangnya dua artikel dalam Jurnal ISI sebelum

mesyuarat Jawatankuasa Pemeriksa diadakan (Senat 18.12.2008).

vi. Keperluan mastautin selama 12 bulan (Senat 27.11.2008).

2. Sarjana.

i. Kursus Metodologi Penyelidikan tidak lewat dari semester kedua pencalonan (Senat 24.5.2007).

ii. Satu Pembentangan Seminar dijalankan dalam tempoh dua semester pertama pencalonan (Senat 24.5.2007).

iii. *Candidature Defence* dijalankan pada semester ketiga pencalonan (Senat 24.5.2007).

iv. Pembentangan sekurang-kurangnya satu (1) Kertas Kerja di peringkat kebangsaan atau antarabangsa (Senat 24.5.2007).

v. Menunjukkan bukti penyerahan sekurang-kurangnya satu artikel dalam Jurnal ISI sebelum mesyuarat Jawatankuasa Pemeriksa diadakan (Senat 18.12.2008).

vi. Keperluan mastautin selama 6 bulan (Senat 27.11.2008).

E. Calon yang mengemukakan disertasi atau tesis untuk pemeriksaan mulai Semester II, Sesi 2012/2013.

1. Doktor falsafah.

Calon Ijazah Doktor Falsafah yang mengikuti program dalam bidang Sains Sosial perlu menunjukkan bukti penerimaan sekurang-kurangnya satu (1) kertas dalam jurnal ISI (WoS)-Ranked Full Length Journal Paper.

Atau

Sekurang-kurangnya dua (2) kertas di dalam jurnal berwasit kategori A atau B* yang diiktiraf oleh PTj untuk penerbitan sebelum mesyuarat Jawatankuasa Pemeriksa dan *Viva Voce*.

2. Sarjana.

   Calon Ijazah Sarjana yang mengikuti program dalam bidang Sains Sosial perlu menunjukkan bukti penerimaan sekurang-kurangnya satu (1) kertas di dalam jurnal berwasit kategori A atau B*yang diiktiraf oleh PTj untuk penerbitan sebelum mesyuarat Jawatankuasa Pemeriksa diadakan.

Senarai Jurnal kategori A dan B untuk Akademi Pengajian Islam boleh dirujuk dalam laman sesawang http://apium.edu.my.

1.12.2. Syarat-syarat dan Keperluan Calon Ijazah Tinggi Mod Campuran.

Calon Mod Campuran yang mendaftar mulai sesi masuk 2010/2011 disyaratkan membuat pembentangan proposal dan candidature defence seperti berikut:

A. Pembentangan proposal pada permulaan pendaftaran bagi komponen penyelidikan.

B. Membentangkan kemajuan penyelidikan dalam sesi Candidature Defence yang masanya ditentukan oleh fakulti.

* Jurnal kategori A dan B boleh diakses dari masa ke semasa di laman web apium.edu.my.

2.0

SUSUNAN SESEBUAH TESIS/ DISERTASI

Umumnya tesis atau disertasi mengandungi tiga bahagian iaitu; (i) Awalan, (ii) Teks, (iii) Akhiran. Penyusunan bab adalah ditentukan mengikut jenis penyelidikan itu sendiri setelah mendapat nasihat dan persetujuan daripada penyelia.

2.1. Awalan

Bahagian ini mengandungi perkara berikut:

2.1.1. Kulit Hadapan

Halaman kulit hadapan hendaklah mengandungi; (i) tajuk yang diluluskan, (ii) nama penyelidik, (iii) nama Jabatan dan Akademi, dan (iv) tahun penyerahan. Lihat lampiran 1(a).

2.1.2. Halaman Hadapan

Mengandungi maklumat yang sama dengan kulit hadapan.

2.1.3. Halaman Tajuk

Halaman tajuk hendaklah mengandungi; (i) tajuk yang diluluskan, (ii) nama penyelidik, (iii) tujuan penyerahan tesis atau disertasi, (iv) nama Jabatan dan Akademi, dan (v) tahun penyerahan. Lihat lampiran 1(b).

2.1.4. Perakuan Keaslian Penulisan

Halaman ini hendaklah mengandungi borang perakuan keaslian penulisan yang telah disediakan oleh Akademi Pengajian Islam.

2.1.5. Abstrak

Abstrak ditulis dalam satu perenggan mengandungi pernyataan ringkas tajuk, objektif utama, metodologi penyelidikan dan hasil dapatan penyelidikan. Abstrak ditulis tidak melebihi 500 patah perkataan. Abstrak hendaklah ditulis dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris sekiranya bahasa penulisan tesis atau disertasi ialah Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris. Abstrak dalam Bahasa Arab juga diperlukan sekiranya bahasa penulisan penyelidikan adalah Bahasa Arab.

2.1.6. Penghargaan

Bahagian ini hendaklah merakamkan penghargaan ringkas kepada penyelia dan pihak berkenaan. Maklumat lengkap perhubungan penyelidik, seperti alamat tetap, alamat e-mel, nombor telefon dan sebagainya, hendaklah dinyatakan di akhir bahagian ini.

2.1.7. Isi Kandungan

Setiap bab, pecahannya dan sub yang lebih kecil hendaklah dijudulkan dan dinomborkan sewajarnya. Contohnya,

1. Tajuk Bab
    1.1. Tajuk Sub-bab
        1.1.1. Tajuk Kecil
            1.1.1(a) Sub-tajuk Kecil

Sistem pernomboran ini dapat memberikan gambaran tentang tajuk besar dan tajuk kecil serta perkaitan antaranya.

2.1.8. Senarai Jadual dan Rajah

Tambahan bukan teks, termasuklah graf, peta, rajah, gambar, simbol, carta, jadual, tatanama dan sebagainya, hendaklah disenaraikan seperti berikut.

A. Panduan transliterasi.

B. Senarai kependekan.

C. Senarai lampiran.

D. Senarai statut – Senarai ini hendaklah mengikut susunan abjad dan mempunyai muka surat.

E. Senarai kes – Senarai ini hendaklah mengikut susunan abjad dan mempunyai muka surat.

2.2. Teks

Akademi Pengajian Islam tidak menetapkan satu format khusus untuk penstrukturan penulisan teks. Namun elemen berikut hendaklah diambilkira berdasarkan bentuk penyelidikan, sama ada kualitatif atau kuantitatif. Lazimnya teks mengandungi:

2.2.1 Pendahuluan

Mengemukakan masalah yang diselidiki, menghuraikan objektif kajian dan menjelaskan pelaksanaan penyelidikan bagi mencapai objektif yang dinyatakan.

2.2.2 Metodologi dan Sumber Data

Penjelasan tentang kaedah penyelidikan dan sumber data yang digunakan hendaklah jelas dan tepat.

2.2.3 Perbincangan Penyelidikan

Ia hendaklah mengandungi pembentangan dan analisis data serta hasil dapatan yang boleh dibuat dalam bentuk kuantitatif dan/atau kualitatif.

2.2.4 Rumusan dan Cadangan

Rumusan hasil penyelidikan hendaklah menjawab masalah penyelidikan dan membuktikan pencapaian objektif. Cadangan hendaklah dikemukakan untuk menonjolkan kepentingan penyelidikan dan saranan penyelidikan lanjutan.

2.3. Akhiran

Bahagian ini mengandungi:

2.3.1 Bibliografi

Rujukan penulisan ilmiah sama ada dipetik secara langsung atau tidak hendaklah disenaraikan dalam BIBLIOGRAFI.

Bibliografi hendaklah ditaip langkau satu baris. Manakala antara dua rujukan ditaip langkau dua baris. Senarai rujukan dimulakan tiga jarak di bawah perkataan BIBLIOGRAFI. Senarai rujukan tidak perlu dinomborkan dan hendaklah disusun mengikut susunan abjad.

2.4. Lampiran (jika perlu)

Lampiran ialah ilustrasi tambahan, dokumen asal yang dirujuk, atau petikan yang terlalu panjang hingga tidak sesuai dimuatkan ke dalam teks. Bahagian ini akan memberi maklumat lanjut kepada pembaca tentang persoalan yang dibincangkan. Ia boleh dibahagikan kepada lampiran A, B, C dan sebagainya. Tiap-tiap lampiran serta tajuknya, jika ada, hendaklah disenaraikan di bahagian awalan. Perkara yang boleh disenaraikan sebagai lampiran adalah seperti:

2.4.1 Glosari.

2.4.2 Instrumen penyelidikan seperti borang soal selidik, peta atau gambar.

2.4.3 Lain-lain bahan yang boleh menjelaskan persoalan yang dibincangkan. Ini termasuk teks asal jika kajian melibatkan terjemahan atau contoh manuskrip jika kajian melibatkan penghasilan edisi kritikal sesuatu teks.

3.0

STRUKTUR SUSUNAN BAHAGIAN TEKS

Penyusunan ini boleh menggunakan Bentuk 1 atau Bentuk 2 berikut sebagai panduan asas.

BENTUK 1

Bab 1: Berfungsi sebagai pengantar kepada penyelidikan berkenaan. Secara umumnya ia bertujuan memperkenalkan latar belakang penyelidikan. Lazimnya ia mengandungi tajuk-tajuk kecil berikut:

1.1. Pengenalan
Pengenalan bab pendahuluan memperkenalkan pembaca kepada struktur bab.

1.2. Latar Belakang Masalah
Perbincangan tentang latar belakang masalah memuatkan rasional dan justifikasi masalah atau pertanyaan yang diajukan telah diteliti atau dijawab. Rasional dan justifikasi diberikan berdasarkan, antara lain, kronologi perkembangan masalah tersebut atau wacana semasa tentang isu berkenaan. Keberkesanan perbincangan ini boleh dilihat pada kemampuan untuk menampakkan masalah berkenaan dan pentingnya untuk diteliti dan didalami.

1.3. Pernyataan Masalah
Bahagian ini hendaklah merumuskan permasalahan sebenar yang dikaji. la boleh dibuat dalam bentuk pernyataan atau senarai soalan.

1.4. Objektif
Objektif menjelaskan hala tuju kajian dan perkara yang dicapai di akhir kajian. Pernyataan ini hendaklah jelas, rasional, serta relevan dengan masalah yang dikaji. Objektif hendaklah mampu

dicapai dan pencapaiannya itu sewajarnya boleh dibuktikan.

1.5. Definisi Tajuk

Bahagian ini menjelaskan konsep utama yang terdapat dalam tajuk. Penjelasan ini membantu pembaca untuk lebih memahami masalah serta skop kajian.

1.6. Skop dan Batasan Penyelidikan

Skop bermaksud ruang lingkup penyelidikan yang dicapai, manakala batasan bermaksud sekatan di luar kemampuan penyelidik yang menghalang pencapaian ruang lingkup tersebut. Aspek yang terlibat merangkumi masa, tempat, sasaran penyelidikan dan sebagainya. Penjelasan ini penting bagi memastikan penilai dapat memahami sempadan penyelidikan berkenaan.

1.7. Hipotesis Penyelidikan (jika berkenaan)

Hipotesis ialah andaian awalan tentang hubungan antara unsur-unsur yang dikaji, atau tentang cara penyelesaian bagi sesuatu masalah. Pernyataan berkenaan hendaklah dibuat secara jelas, padat dan tidak mengelirukan.

1.8. Kepentingan Penyelidikan

Penyelidik hendaklah menjelaskan kepentingan dan sumbangan penyelidikan yang dilaksanakan terhadap bidang yang dikaji, antaranya; (i) apakah ia memantapkan penjelasan tentang sesuatu hukum; (ii) memperkemaskan sesuatu kaedah; (iii) membetulkan sesuatu fahaman? Kepentingan dan sumbangan langsung dan praktikal daripada penyelidikan dalam menyelesaikan masalah masyarakat dan negara boleh juga dinyatakan. Kepentingan penyelidikan juga termasuk penghasilan sesuatu edisi kritikal teks-teks penting dalam bidang serta terjemahannya.

1.9. Ulasan Penyelidikan Lepas

Ulasan ini hendaklah mengaitkan hasil penyelidikan lepas yang memberi jawapan kepada masalah yang akan dikaji terutama

untuk menjelaskan kedudukan serta keaslian penyelidikan semasa dan kaitannya dengan khazanah ilmu sedia ada. Penyelidikan lepas ini perlu merangkumi penyelidikan yang telah dijalankan di dalam dan di luar negara dalam pelbagai bahasa. Ia perlu merangkumi laporan penyelidikan ilmiah, tesis, disertasi, makalah jurnal, buku akademik dan sebagainya. Ulasan perlu menumpukan kepada aspek persamaan dan perbezaan, kekuatan dan kelemahan serta kelompangan ilmiah antara penyelidikan lepas dan semasa.

1.10. Metodologi Penyelidikan

Mengandungi penerangan dan huraian tentang reka bentuk, metode dan prosedur yang digunakan dalam melakukan penyelidikan. Lazimnya metode penyelidikan terdiri daripada penyelidikan perpustakaan dan lapangan. Ia mengandungi huraian komprehensif tentang metode dan prosedur kajian:

1.10.1 Pengumpulan Data: Menjelaskan kaedah pengumpulan dan analisis data. Pengumpulan data terbahagi kepada dua; iaitu penyelidikan perpustakaan seperti penggunaan dokumen yang berautoriti seperti manuskrip, fail rekod dan sebagainya; manakala penyelidikan lapangan seperti temubual, soal selidik, observasi dan sebagainya. Justifikasi hendaklah dikemukakan bagi menjelaskan kewajaran pemilihan kaedah yang digunakan.

1.10.2 Sumber Data: Menjelaskan sumber pengambilan data.

1.10.3 Prosedur Penyelidikan: Menjelaskan langkah yang diambil dalam melakukan penyelidikan termasuk pembentukan sampel penyelidikan.

1.10.4 Metode Analisis: Menjelaskan kaedah pengolahan data sama ada kualitatif atau kuantitatif.

1.11. Susunan Penulisan

Mengandungi struktur pembahagian bab penulisan ilmiah. Ia menggambarkan cara penyelidik mengembangkan

penyelidikan serta isi yang dibincangkan di dalam setiap bab.

Bab 2: Menjelaskan kerangka atau landasan yang menjadi asas kepada penyelidikan yang dijalankan.

Bab 3 dan **Bab 4**: Mengandungi perbincangan penyelidikan, analisis data dan hasil dapatan penyelidikan.

Bab 5: Penutup
Mengandungi rumusan dan cadangan bagi penyelidikan tersebut. Bahagian ini boleh dijadikan satu bab tersendiri yang mengandungi unsur-unsur berikut:

5.1. Rumusan
Merumuskan penemuan hasil penyelidikan.
5.2. Implikasi Kajian
Tafsiran daripada rumusan yang dibuat.
5.3. Cadangan
Saranan bagi menyelesaikan masalah yang dikaji berdasarkan rumusan dan tafsiran di atas. Ia boleh juga dikemukakan dalam bentuk cadangan penyelidikan lanjutan untuk penyelidik lain.

BENTUK 2

Bab 1: Pendahuluan

Merangkumi kesemua elemen di atas, kecuali metodologi penyelidikan.

Bab 2: Penjelasan Kerangka atau Landasan Penyelidikan dan Ulasan Penyelidikan Lepas

Bab 3: Metodologi Penyelidikan

Menerangkan secara jelas metodologi penyelidikan, reka bentuk, populasi dan sampel yang digunakan.

Bab 4: Data dan Analisis

Bab 5: Rumusan dan Cadangan

4.0

FORMAT PENULISAN ILMIAH

4.1. Penaipan

4.1.1. Penyediaan Dokumen

Penulisan ilmiah hendaklah disediakan menggunakan perisian komputer Microsoft Word.

4.1.2. Jenis Tulisan

Penulisan ilmiah hendaklah menggunakan *font* Times New Roman versi lima ke atas untuk aksara Roman; Latex atau Equation Editor untuk teks matematik; dan Traditional Arabic untuk aksara Arab atau Jawi. *Font* hendaklah bersaiz 12 untuk aksara Roman, manakala bersaiz 16 untuk aksara Arab atau Jawi.

4.1.3. Jarak Baris

Langkau dua baris bagi aksara Roman, manakala 1.5 bagi aksara Arab atau Jawi, untuk bahagian teks utama. Langkau satu baris pula hendaklah digunakan semasa membuat jadual, petikan dan nota kaki bagi aksara Roman, Arab atau Jawi.

4.1.4. Struktur Perenggan

Perenggan tidak perlu dijarakkan sama ada dengan menambah ruang jarak secara automatik atau dengan menekan kekunci *Enter*. Perenggan terawal dan terakhir dalam sesuatu halaman hendaklah mengandungi sekurang-kurangnya dua baris ayat. Sekiranya tidak, perenggan hendaklah dimulakan di halaman berikutnya.

4.2. Birai Yang Ditetapkan

Birai yang ditetapkan bagi teks utama, jadual, rajah dan keterangannya hendaklah mengikut format seperti yang berikut:

Birai atas: 2.0 sm.

Birai kanan: 2.0 sm.

Birai kiri: 4.0 sm.

Birai bawah: 2.0 sm.

4.3. Penomboran Halaman

Semua nombor halaman teks bersaiz lapan dimasukkan tanpa tanda bacaan atau kurungan. Nombor halaman dicetak di sebelah kanan 1.0 sm dari bawah.

Penomboran halaman bahagian awalan hendaklah menggunakan nombor kecil Roman secara berturutan (i, ii, iii dan seterusnya). Halaman tajuk dianggap sebagai halaman "i" tetapi nombor "i" tidak dimasukkan. Nombor halaman bermula selepas halaman tajuk yang disambung terus dengan nombor Roman "ii".

Halaman teks dan bibliografi menggunakan nombor Arab berturut-turut (1, 2, 3 dan seterusnya), bermula dengan 1 pada halaman pertama bahagian teks.

4.4. Jumlah perkataan yang dibenarkan

4.4.1. Tesis doktor falsafah – Tidak melebihi 100,000 patah perkataan.

4.4.2. Disertasi (Mod penyelidikan) – Tidak melebihi 60,000 patah perkataan.

4.4.3. Disertasi (Mod campuran) – Tidak melebihi 40,000 patah perkataan.

(Tidak termasuk nota kaki, bibliografi, rujukan, lampiran, jadual dan rajah).

Penyelidik yang hendak menulis melebihi had yang ditetapkan di atas hendaklah memohon kebenaran daripada Senat Universiti melalui Akademi dengan mengemukakan alasan yang munasabah sekurang-kurangnya tiga bulan sebelum penyerahan akhir untuk pemeriksaan.

4.5. Kertas

Penyelidik hendaklah menggunakan kertas putih saiz A4 (21.0 x 29.7 sm) yang bermutu baik (80 g/m^2) dan dicetak hanya pada sebelah halaman sahaja.

4.6. Nota Rujukan

4.6.1. Tujuan

A. Menjelaskan sumber data yang telah digunakan.

B. Membolehkan pembaca merujuk kepada mana-mana bahagian dalam tulisan itu sendiri, sama ada sebelum atau selepas.

C. Memberi penjelasan lanjut yang dikira tidak wajar dibuat dalam teks utama.

D. Menjelaskan pandangan yang berbeza daripada sumber tertentu bagi membolehkan pembaca membuat perbandingan.

E. Memberi penghargaan kepada sumber yang digunakan.

F. Memperkukuhkan kewibawaan penulisan penyelidikan.

4.6.2. Gaya Nota Rujukan

Penulisan nota rujukan hendaklah menggunakan nota kaki, bukan nota dalam teks atau nota hujung. Nota kaki hendaklah ditaip dengan *font* Times New Roman, bersaiz 10, langkau satu baris dan berada dalam halaman yang sama dengan teks utama. Pernomboran nota kaki hendaklah mengikut bab.

4.6.3. Rujukan kepada Buku

A. Pengarang

Struktur asas gaya nota kaki adalah seperti berikut: Nama Penuh Pengarang, *Tajuk Buku: Keterangan Lanjutan* (Tempat: Penerbit, Tahun), halaman. Contohnya (perhatikan bahawa sebelum nombor halaman tiada aksara "h" atau "hlm"):

1. Mustaffa Abdullah, *Khazanah Tafsir di Malaysia* (Kuala Lumpur: Jabatan al-Qur'an dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2009), 45.

Bagi buku yang tidak diketahui penulisnya hendaklah ditulis kalimah "Penulis tidak diketahui". Manakala bagi buku yang diragui penulis sebenar hendaklah ditulis nama penulis yang diandaikan dalam kurungan [ ]. Contohnya:

2. [Muḥy al-Dīn Muḥammad bin 'Alī bin 'Arabī], *Tafsīr ibn Arabī*, ed. 'Abd al-Wārith Muḥammad 'Alī (Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah), 1:57.

Buku yang mempunyai dua atau tiga pengarang ditulis seperti berikut:

3. Baterah Alias dan Che Zarrina Sa'ari, *Islam dan Emansipasi Wanita* (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2006), 23.

Buku yang mempunyai empat pengarang atau lebih ditulis seperti berikut (perhatikan bahawa et al. ditulis dengan hanya satu titik dan tanpa diitalik):

4. Abdul Karim Ali et al., *Autoriti Hadis Menangani Gerakan Antihadis* (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2007), 2.

B. Editor

Bagi buku yang diedit nama editor ditulis pada tempat pengarang seperti berikut:

5. Nor Raudah Siren, Yusmini Md Yussof dan Mahmudah Nawawi, ed., *Teori-teori Komunikasi* (Kuala Lumpur, Penerbit Universiti Malaya, 2006), 12.

C. Terjemahan

Bagi buku terjemahan atau transkripsi, nama penterjemah atau pentranskrip ditulis selepas tajuk buku seperti berikut (perhatikan nama pengarang hendaklah berdasarkan ejaan dalam buku terjemahan):

6. Abū Ḥāmid al-Ghazzālī, *A Return to Purity in Creed: Iljām al-'Awwām 'an 'Ilm al-Kalam*, terj. 'Abdullāh bin Ḥamīd 'Alī (Philadelphia: Lamp Post Productions, 2008), 23-4.
7. Daud bin Abdullah al-Fathani, *al-Durru al-Thamin: Permata yang Indah*, dirumikan oleh Noraine Abu dan Mashadi Masyuti (Batu Caves: al-Hidayah, 2011), 195.

D. Edisi dan Cetakan

Buku yang diterbitkan semula dalam edisi atau cetakan baru ditulis seperti berikut:

8. University of Chicago Press, *The Chicago Manual of Style*, ed. ke-16 (Chicago: University of Chicago Press, 2010), 701.
9. *George Jacob Holyoake, Principles of Secularism: Illustrated*, ed. ke-3 rev. (London: Book Store, Austin & Co., 1871), 11.



Cetakan baru tanpa perubahan halaman tidak perlu dinyatakan. Namun, jika ingin dinyatakan juga boleh ditulis

seperti berikut:

10. Muḥammad bin ʿAbd Allāh al-Khaḥīb al-Tibrīzī, *Mishkāt al-Maṣābīḥ*, ed. Muḥammad Nāṣir al-Dīn al-Albānī (1961; cet. ke-2, Beirut: al-Maktabah al-Islāmī, 1979), 1:63.

E. Tempat, Tarikh dan Penerbit

Buku yang tidak mempunyai maklumat tempat, tarikh dan penerbit ditulis "t.tp." iaitu tanpa tempat, "t.p." iaitu tanpa penerbit atau "t.t." iaitu tanpa tarikh pada tempat masing-masing seperti berikut:

11. Abū Hāmid Muhammad bin Muhammad al-Ghazālī, *Ihyā' ʿUlūm al-Dīn* (Kaherah: Dār al-Shaʿb, t.t.), 1:8.

12. Abū Faḍl Aḥmad bin ʿAlī bin Ḥajar al-ʿAsqalānī, *Fatḥ al-Bārī Sharḥ Saḥīḥ al-Bukhārī*, ed. ʿAbd al-Qādir Shaybah al-Ḥamad (Riyadh: t.p., 2001), 35.

F. Jilid dan Halaman

Buku yang berjilid ditulis seperti berikut:

13. Muṣṭafā Zayd, *al-Naskh fī al-Qur'ān al-Karīm: Dirāsah Tashrīʿiyyah Tārīkhiyyah Naqdiyyah* (Kaherah: Dār al-Fikr al-ʿArabī, 1963), 1:50.

14. Muḥy al-Dīn Muḥammad bin ʿAlī bin ʿArabī, *al-Futūḥāt al-Makkiyyah*, ed. Maktab al-Buḥūth wa al-Dirāsāt (Beirut: Dār al-Fikr, 2007), 5:295.

Buku yang dijilid bersama buku lain dalam satu koleksi buku ditulis seperti berikut:

15. Abū ʿAbd Allāh Muḥammad bin Ismāʿīl al-Bukhārī, "Ṣaḥīḥ al-Bukhārī," dalam *Mawsūʿat al-Ḥadīth al-Sharīf: al-Kutub al-Sittah*, ed. Ṣāliḥ bin ʿAbd al-ʿAzīz Āl al-Shaykh (Riyadh: Dār al-Salām, 2000), 72.

